

Cabaran Dalam Mempertahankan Tanah Adat: Kajian Kes Tanah NCR Suku Kaum Bidayuh Sarawak

Azima A.M
Zaimah R
Suhana Saad
Sarmila Md Sum
Yusoff Hussain
Shafiq A.K
Novel Lyndon
Sivapalan Selvadurai
Fuad Mat Jal
Mokhtar Jaafar Shafeq A.K

ABSTRAK

Tanah suku kaum Bidayuh di Sarawak dipengaruhi oleh adat dalam menentukan hak dan pemilikannya. Maklumat yang diwarisi melalui nenek moyang mereka telah menjadi sumber rujukan utama mereka dalam mempertahankan hak dan status mereka terhadap tanah. Justeru itu, pembangunan setempat telah menjadi cabaran utama suku kaum Bidayuh bagi mengekalkan tanah adat warisan nenek moyang mereka. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti cabaran yang dihadapi suku kaum Bidayuh dalam mempertahankan hak mereka terhadap tanah adat dalam pembangunan tanah. Di samping itu hasil kajian juga telah memberikan penekanan terhadap usaha pemilik tanah untuk mempertahankan hak mereka terhadap tanah adat. Maklumat yang berkait dengan tujuan kajian telah diperoleh melalui FGD serta indepth interview dengan pemilik tanah adat di kawasan kajian. Dapatkan kajian mendapati cabaran mempertahankan tanah adat dipengaruhi beberapa cabaran seperti kelewatan proses persempadan, pencerobahan tanah adat, bayaran pampasan dan penglibatan komuniti dalam skim pembangunan, kesukaran dalam mendapatkan kesepakatan dan konflik dalaman dan persaingan terhadap tanah adat. Situasi ini akhirnya mendorong kepada keperluan mendapatkan geran tanah secara individu dalam kalangan suku kaum Bidayuh di kawasan kajian. Justeru itu pihak terbabit perlu memberi penekanan terhadap usaha menambahbaik prosedur pemilikan tanah dalam kalangan pemilik tanah. Selain itu, dasar pembangunan tanah negara perlu memberikan penekanan terhadap kelestarian sosial pemilikan tanah dengan mengambilkira aspek sosial budaya sesebuah komuniti.

Kata Kunci; Komuniti Bidayuh, Kanun Tanah Sarawak, Kerajaan Negeri, Tanah NCR dan Cabaran

ABSTRACT

Tribal land Bidayuh influenced by customs in determining the rights and ownership. Information is inherited by their ancestors has become the main reference in defending their rights and their status on the ground. Thus, local development has become a major challenge for maintaining tribal lands Bidayuh legacy of their ancestors. Therefore, this study aims to examine the challenges faced by tribal Bidayuh in defending their rights to ancestral land in the development. In addition, the study also gave emphasis on landowners to defend their rights to ancestral lands. Information relating to the purpose of the study was collected through focus group discussions and depth interviews with indigenous landowners in the study area. The study found that the challenge to defend indigenous land affected by a number of challenges such as delays in the process of delimitation, custom ground invasion, compensation and community involvement in development schemes, difficulties in getting a deal and internal conflicts and competition for land. This situation eventually led to the needs of individual land grants among tribes Bidayuh in the study area. Thus the parties need to focus on the efforts to improve the procedure of land ownership among the landowners. In addition, the national land development policies should give emphasis on the social sustainability of land ownership by taking into account socio-cultural aspect of the community.

Keyword; Bidayuh Community, The Land Code of Sarawak, The State Government, Land NCR and Challenges

PENGENALAN

Tanah adat secara ringkasnya boleh didefinisikan sebagai hak pemilikan tanah yang diperoleh secara turun-temurun daripada satu generasi ke generasi (Verplanke & McCall 2014; Paaga 2013). Hak untuk mengguna tanah adat ini dikendalikan oleh komuniti melalui kuasa yang secara implisitnya hanya difahami oleh mereka (Paaga 2013). Manakala kuasa untuk pindahmilik, pengambilahan pula di rekod secara non formal dalam kalangan masyarakat melalui maklumat lisan. Menurut Cotula (2006), adat merupakan garis panduan legitimasi yang satu-satunya wujud dalam tradisi sesebuah masyarakat. Tradisi ini pula merujuk kepada set norma, nilai dan praktis dalam kalangan lokaliti atau kumpulan masyarakat. Manakala Fleischacker (1994) pula mendefinisikan tradisi sebagai set adat yang diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang melibatkan nilai dan kepercayaan yang telah diterimakan dalam sesebuah masyarakat. Jika dirujuk kepada masyarakat Bidayuh di Sarawak secara tradisinya mereka mewariskan hak untuk menggunakan tanah dengan mengamalkan adat resam mereka sejak turun-temurun. Kaedah pemilikan tanah adat masyarakat Bidayuh adalah melalui warisan yang diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain serta diakui sah oleh ketua adat iaitu tuai rumah (Azima et al 2014). Dalam kalangan masyarakat adat, pemilik tanah adat lebih bersifat pemegang amanah dan tanah secara entitinya wujud bagi menjaga kepentingan identiti serta kelangsungan komuniti adat (Azima et. Al 2014; Kirby 2005).

Dalam konteks perundungan tanah adat, Kanun Tanah Sarawak 1958 (*Sarawak Land Code 1958*) telah berhadapan dengan pelbagai cabaran terutama untuk komuniti Bidayuh mempertahankan tanah adat. Antara halangan yang menyukarkan usaha komuniti bidayuh untuk mempertahankan tanah adalah seperti kelewatian memproses permohonan dan pengukuran tanah di Sarawak. Colchester et. al (2008) menjelaskan bahawa, pindaan dalam undang-undang tanah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak dari semasa ke semasa didapati semakin menyekat hak komuniti terhadap tanah adat. Sebagai contoh, larangan membuat pemetaan sendiri juga dinyatakan dalam *Land Surveyors Ordinance 2001* bahawa, sebarang kerja-kerja pemetaan komuniti atau menjalankan aktiviti atau kerja berkaitan pengukuran tanah adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti mana yang terkandung dalam Seksyen 20 dan 23 ordinan tersebut (Laws of Sarawak, 2007 & Mark Bujang 2004). Dapat dirumuskan bahawa pindaan terhadap tanah adat telah diketatkan secara berperingkat-peringkat melalui definisi NCR dan peraturan-peraturan yang menyebabkan pemilikan terhadap tanah adat menjadi lebih terbatas (Colchester et.al, 2008). Keadaan ini menjadi cabaran utama kepada penduduk setempat dalam usaha mempertahankan tanah adat sebagai input sosial identity masyarakat adat seperti Bidayuh.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini bersifat deskriptif. Hal ini bertetapan dengan isu kajian yang memberi penekanan kepada sosio budaya dan kuasa pemilik tanah adat terhadap cabaran untuk mempertahankan tanah adat dalam kalangan kaum Bidayuh di Serian Sarawak. Pendekatan deskriptif ini sesuai kerana fokus utama melibatkan pengalaman sosial pemilik tanah dalam memperihalkan cabaran yang perlu mereka hadapi dalam mempertahankan hak ke atas pemilikan tanah dalam kawasan kajian. Sehubungan itu, antara kampung yang terlibat termsuklah Kampung Kekai, Kampung Pridang, Kampung Diang. Kampung Mentu Tupu, Kampung Tong Nibong, Kampung Mongkos. Justeru temubual secara *focus group* dan *indepth interview* dengan pemilik tanah adat dikawasan kajian telah dilakukan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pandangan terhadap cabaran yang dihadapi dalam mempertahankan hak mereka terhadap tanah. Populasi kajian ini menekankan pemilik tanah adat di kampung terpilih di daerah Serian, Sarawak yang sememangnya terkenal dengan pemilikan tanah adat NCR dalam kalangan masyarakatnya.

DAPATAN KAJIAN : CABARAN MELINDUNGI TANAH NCR MILIK KOMUNITI BIDAYUH

Sering kali proses pembangunan yang dijalankan oleh agen pembangunan bercanggah dengan kepentingan masyarakat setempat. Tiada pengiktirafan yang jelas dan kukuh oleh undang-undang formal terhadap hak komuniti Bidayuh dalam pemilikan tanah telah menyebabkan berlakunya konflik dengan pihak berkepentingan. Menurut seorang informan dari Kampung Diang:

“...Inilah masalahnya kerana tidak ada geran. Kalau tanah yang sudah disempadankan, sekarang sudah ada hak milik (geran) sudah... Tapi yang belum sukat ini, ini yang selalu bermasalah. Yang menanggung risiko adalah ketua kampung...”

Dengan mengambil kira kepentingan tanah adat kepada komuniti Bidayuh, sebarang penafian hak terutamanya dalam konteks perundangan terutamanya dalam melindungi hak tanah adat akan menyebabkan kehidupan mereka terjejas. Sehubungan itu terdapat beberapa cabaran yang harus dihadapi oleh komuniti Bidayuh bagi melindungi tanah NCR milik peribumi. Antaranya;

Kelewatan Proses-proses Persempadan

Menurut SUHAKAM (2013), kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan sebagai sebahagian dari inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, untuk mengadakan kerja-kerja pengukuran perimeter bagi mengenal pasti sempadan-sempadan tanah adat di Sarawak. Sumber kewangan untuk kerja-kerja pengukuran persempadan diperoleh daripada Kerajaan Pusat yang melibatkan kawasan seluas 250,000 hektar akan selesai menjelang tahun 2015. Walau bagaimanapun, SUHAKAM (2013) menyatakan bahawa inisiatif tersebut menyenaraikan beberapa syarat yang menyempitkan dan menghalang tuntutan atas komuniti tanah adat. Antaranya ialah, kerja-kerja mengukur akan dihadkan bagi kawasan kediaman dan penanaman. Tanah adat yang merangkumi hutan darai seperti *pemakai menoa* dan *tanahpulau* akan dikecualikan (tidak termasuk dalam kawasan pengukuran persempadan). Seterusnya, apabila kawasan telah diukur, komuniti adat tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan ke atas tanah adat yang lain. Secara keseluruhannya, syarat ini secara terang-terangan melanggar sebahagian atas tuntutan komuniti adat kerana tanah-tanah yang dikecualikan tersebut merupakan sebahagian hak warisan adat budaya yang perlu dilindungi dan dikekalkan. Walau bagaimanapun, seorang informan menyatakan kekesalannya terhadap pihak berkuasa kerana tidak menjalankan kerja-kerja pengukuran walaupun bajet telah dinyatakan seperti mana dalam media.

“...buat masa sekarang pun guna macam dulu-dulu. Sebab kalau nak buat, land survey pun dorang sampai sekarang pun tak buat. Sedangkan kita diberi kerajaan berbilllion2 untuk sukat tanah NCR. Tapi tidak buat. Jadi dengan guna cara senang pakai buluh sajalah sampai sekarang...”

Dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan tanah, pengukuran tanah merupakan satu prasyarat untuk mendapatkan dokumen pemilikan yang sah atau geran tanah seperti mana yang terkandung dalam Seksyen 5 (2)(i). Namun begitu, kewujudan pelbagai konflik seperti perbezaan dalam tafsiran tanah adat antara pihak berkuasa negeri dengan komuniti adat telah membawa kepada masalah berhubung kelewatan dalam memproses permohonan dan pengukuran tanah adat. Keadaan ini seterusnya telah memberi impak negatif kepada usaha komuniti untuk mendapatkan hak milik yang sah dalam konteks perundangan formal. Pandangan informan menjelaskan;

“...Buat masa sekarang pun guna macam dulu-dulu (persempadan). Sebab kalau nak buat Land Survey pun dorang sampai sekarang pun tak buat. Jadi dengan guna cara senang pakai buluh sajalah. Land survey memang ada datang. Berpuluh-puluh kali survey. Dua tiga tahun ada lagi Land Survey baru. Ini saya ingat Land Survey dah kali ke 2 3 saya rasa...”

Di Kampung Mongkos, seorang informan menyatakan bahawa tanahnya masih tidak mempunyai dokumen pemilikan tanah adat walaupun telah menyertai program pembangunan tanah oleh RISDA.

“...Kami sudah mohon, masing-masing isi borang, kami buka ladang getah Risma. Orang kampung sudah setuju. Lepas tu di mana Risma dia hantar kami pun tidak tahu. Sudah lama. Sudah 7 tahun. Tapi sampai sekarang tidak ada jawapan. Kalau dia betul hantar, dia akan buat follow up. Dia yang bagi borang pada orang kampung, orang kampung isilah. Sekiranya diluluskan oleh Risma, juriukur akan masuk. Tapi sekarang, tiba-tiba orang luar pula nak masuk ambil...”

Situasi ini menunjukkan bahawa pengurusan permohonan terhadap tanah oleh pihak berkuasa memperlihatkan kelemahan mereka. Walaupun banyak desakan daripada komuniti, namun pemilikan tanah masih kekal dengan sistem pemilikan tradisional yang diwarisi turun-temurun. Tanah adat dihimpit dengan pelbagai ancaman dan tekanan yang akhirnya menggugat keselamatan pemilikan terhadap tanah. Antara yang menjadi perhatian adalah kes pencerobohan tanah yang membabitkan

syarikat-syarikat swasta seperti perladangan dan pembalakan. Selain itu harapan komuniti untuk mendapatkan pengiktirafan pemilikan tanah adat juga semakin sukar apabila kos untuk menyukat tanah adalah sangat tinggi. Berdasarkan kerja-kerja persempadanan di kampung lain, bagi sebuah kampung yang mempunyai keluasan 1000 hektar tanah, kos untuk menyukat adalah dianggarkan sebanyak RM500,000 (Borneo Post, 2014). Menurut informan X, jika mahukan persempadanan, kos menyukat terpaksa ditanggung sendiri oleh pemilik-pemilik tanah. Beliau menjelaskan;

“...Kalau pendapatan saya kurang. Tidak boleh sukut. Kalau ada duit, boleh sukut...”

Kelewatan kerja-kerja menyukat oleh agensi yang berkaitan telah menyebabkan penduduk tempatan menggunakan medium bantuan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam proses-proses persempadanan. Misalnya penduduk di Kampung Pridan telah mendapat bantuan daripada Dayak Bidayuh National Association (DBNA) dalam kerja-kerja menyukat tanah yang membabitkan tanah lot rumah, kawasan petempatan kampung dan sebahagian tanah pertanian. Persempadanan tanah telah ditandai dengan penandaan sempadan yang selaras, iaitu dengan menggunakan ‘kayu berlian’. Namun demikian kebimbangan tetap ada dalam kalangan pemilik tanah yang telah disukat kerana sehingga kini urusan yang berkait perolehan geran masih belum menampakkan perkembangan yang positif.

Pencerobohan Tanah Adat

Aktiviti perladangan komersial dan berskala besar dikatakan telah menceroboh atau memasuki kawasan kampung komuniti adat tanah tanpa mendapatkan izin dan kebenaran daripada penduduk kampung. Dalam memberi kebenaran untuk kegiatan pembangunan tanah, *Provisional Lease (PL)* yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat swasta bagi aktiviti perladangan berskala besar dikatakan boleh mempercepatkan pembangunan tanah dan memberi sumber pendapatan kepada kerajaan Negeri. Sebelum PL dikeluarkan, Jabatan Tanah dan Survei perlu memastikan dengan teliti mengenai kawasan tanah adat dengan menggunakan gambar udara yang diambil pada tahun 1954 (SUHAKAM, 2013). Salah satu syarat yang dikenakan kepada pemegang lesen PL adalah mengecualikan tanah adat atau tanah yang diberimilik daripada operasi perladangannya. Walau bagaimanapun, kelemahan gambar udara yang menjadi rujukan tersebut adalah tidak tepat untuk menggambarkan keadaan sebenar di lapangan. Kebergantungan yang tinggi oleh Jabatan Tanah dan Survei ke atas gambar-gambar udara yang diambil pada tahun 1954 mungkin tidak dapat menunjukkan secara tepat, aktiviti-aktiviti komuniti terhadap tanah adat yang telah berlaku sejak beberapa tahun. Tambahan pula, terdapat keengganan pihak Jabatan Tanah dan Survei untuk mengiktiraf hutan dara yang dikosongkan oleh komuniti. Ini kerana tanah hutan tersebut sememangnya dikosongkan daripada aktiviti pertanian dan guna tanah lain bagi tujuan menjaga kelestarian hutan di samping faktor lain seperti kawasan sejarah dan kawasan sumber hutan. Keadaan ini mengakibatkan syarikat-syarikat perladangan memasuki kawasan tanah adat terutamanya kawasan tanah hutan dara yang dilindungi oleh komuniti. Beberapa informan telah menyatakan pendapatnya mengenai isu pencerobohan tanah oleh syarikat-syarikat swasta terutamanya syarikat perladangan dan pembalakan. Kenyataan ini dibuktikan dengan pernyataan dari seorang informan;

“...Company-company ni diaorang macam cubit mencubit la. Macam makan kuih, cubit sikit, hujung-hujung, sikit-sikit lama-lama sudah jadi bukit. Sebab diaorang,bila orang kampung melarang jangan masuk, dia punya tauke sini memang suruh masuk saja...”

Menurut beberapa informan ada dalam kalangan pemilik tanah adat dipaksa untuk membuat perundingan dengan pemegang-pemegang PL iaitu syarikat-syarikat perladangan dan pembalakan. Tujuannya adalah untuk membuat perundingan mengenai pembayaran atau ganti rugi. Namun begitu, kelemahan bagi komuniti adalah tidak mempunyai pengalaman berkait perundingan dengan syarikat-syarikat swasta tersebut. Tambahan pula, di atas sebab ketidakmampuan dalam ekonomi, komuniti tidak mampu untuk menyediakan pembiayaan dalam menggunakan khidmat peguam bagi menasihati perundingan tersebut. Impaknya, komuniti tanah adat yang terlibat terpaksa menyerahkan tanahnya dengan pampasan atau sagu hati yang jauh tidak senilai dengan saiz tanah yang diserahkan. Menurut seorang informan dari Kampung Mongkos:

“...Cuma masalah macam yang saya sebut tadi. Orang luar cuba nak masuk (syarikat swasta)... Dia akan beli. Company tu akan usaha untuk tanam sawit. Sudah banyak berlaku di kawasan sini. Dia beli dengan harga satu ribu, dua ribu. Terpaksa terima, kalau tidak, tidak

dapat apa-apa. kadang-kadang tanah tu kena ceroboh pun ada. Pergi sana tengok tanah tu kena tolak (tebang) sudah...”

Menurut beberapa informan, wujud juga pencerobohan tanah adat tanpa sebarang perundingan dengan komuniti. Lebih mengejekan lagi, laporan pencerobohan yang dibuat terhadap pihak polis tidak pernah diambil tindakan. Malahan, syarikat-syarikat swasta melibatkan pihak polis apabila pemilik tanah secara keras mempertahankan tanahnya. Kesannya, komuniti ditangkap dan ditahan oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, semangat komuniti Bidayuh dalam mempertahankan tanahnya tidak pernah luntur demi melindungi tanah warisan turun-temurunnya seperti mana yang dikatakan oleh beberapa informan:

“...Saya cakap company tidak boleh kacau, satu inci pun tidak boleh kacau. Saya jahat saya kata, mana yang masuk saya akan bunuh. Saya tidak takut, itu hak kami adik-beradik...”

Jika dibiarkan berterusan, pencerobohan oleh syarikat-syarikat swasta ini akan menafikan komuniti dalam mengekalkan pemilikannya terhadap tanah adat. Dalam hal ini pemilik tanah akan yang diwarisi akan semakin diancam kehilangan hak pemilikan.

Bayaran Pampasan dan Penglibatan Komuniti Dalam Skim Pembangunan

Ketiadaan pengiktirafan atau dokumen ‘hitam putih’ dalam hak pemilikan tanah menyebabkan komuniti Bidayuh tidak layak untuk diberi pampasan atau ganti rugi atas tanah yang diambil. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa informan yang kehilangan tanah mereka kepada syarikat-syarikat swasta tidak menerima sebarang pampasan atau menerima pampasan yang tidak mencukupi selaras dengan saiz tanah yang terlibat. Sekiranya ada, bayaran yang diterima oleh komuniti daripada syarikat-syarikat swasta adalah sebagai bayaran ‘sagu hati’. Perundingan mengenai kadar pampasan selalunya diadakan dengan ketiadaan pegawai kerajaan atau pihak berkuasa dan peguam dan situasi ini telah menyebabkan berlakunya perundingan berat sebelah kerana komuniti tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran perundingan dan proses tawar-menawar. Akhirnya, komuniti terpaksa menerima walaupun dalam jumlah yang sedikit dan tidak senilai dengan tanah yang diserahkan. Ini jelas ditegaskan oleh informan di kawasan kajian iaitu;

“...ya tidak di bayar. Yang baru sekarang pun diambil tapi secara paksaan lagi. You tak ambil duit, saya paksa juga ambil tanah. Saya terpaksa ambil duit. Kalau saya tak ambil duit, jadi percuma...”

Dalam konteks penyertaan komuniti dalam skim-skim pembangunan tanah, beberapa informan menyatakan bahawa mereka tidak dibayar dividen seperti yang dijanjikan kepada mereka. Jika dibayar, jumlah yang dibayar tidak seperti yang dijanjikan kepada mereka. Pada tahun 1976, kerajaan Sarawak telah menubuhkan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) untuk mengurus secara langsung penanaman tanaman ladang atas tanah adat komuniti yang terlibat. SALCRA mewakili kerajaan dalam usahasama dengan komuniti asal untuk membangunkan tanah mereka. Kemudian, atas sebab permasalahan yang wujud dalam SALCRA, kerajaan Sarawak telah menubuhkan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (PELITA) untuk mempercepatkan projek-projek pembangunan tanah melalui penyertaan pihak swasta. Seperti SALCRA juga, PELITA menghadapi pelbagai masalah berkaitan dengan kawasan tanah berhak adat dengan akibatnya memakan masa wang lama untuk mengambil dan membuka ladang-ladang kelapa sawit baru. Skim perladangan pada peringkat awal di Sarawak mengikut model pembangunan tanah yang digunakan oleh FELDA di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, pendekatan ini memang tidak sesuai dengan keadaan di Sarawak. Tujuan skim-skim FELDA di semenanjung adalah untuk menempatkan keluarga yang tiada tanah ke kawasan-kawasan kerajaan yang hutannya diterokai untuk membuka ladang getah dan kelapa sawit. Sebaliknya di Sarawak, kebanyakannya tanah bukan tanah kosong. Kebanyakannya masyarakat tempatan Sarawak memiliki tanah, masih mengamalkan cara hidup dengan berbagai-bagai kaedah dan pilihan ekonomi, serta mempunyai pengalaman biarpun terhad dan berkecimpung dalam pasaran. Kerajaan menghadapi masalah kekurangan tanah kerajaan dan masalah dengan tanah-tanah adat. Jadi kerajaan perlu mencari solusi untuk mendapatkan tanah-tanah adat untuk pembangunan perladangan.

Justeru itu, pada tahun 1994, kerajaan Negeri Sarawak telah memperkenalkan ‘Konsep Baru’ bagi melaksanakan pembangunan perladangan melalui ‘penyatuan para pemilik, tanah-tanah adat bersama pihak swasta dengan modal dan kepakaran pihak swasta’. Menurut Colchester et. al (2008),

pendekatan baru ini mempunyai dua matlamat. Pertamanya, dengan menyeru pihak swasta melabur dalam konsep perladangan maka kerajaan tidak menanggung risikonya. Keduanya, dengan menghasilkan tatacara baru untuk mengambil tanah-tanah adat untuk dijadikan ladang secara komersial dengan keluasan 5,000 hektar ke atas, ini adalah menarik perhatian kepada pengusaha-pengusaha swasta. Namun begitu, Colchester et. al (2008) juga menyatakan bahawa para pemilik tanah yang menyertai skim ini tidak ada suara dalam pengurusannya. Mereka berharap bagi setiap penggunaan tanah yang terlibat, RM1200 dibayar bagi setiap hektar tanah yang diberikan kepada kerajaan. Namun, mereka hanya memperoleh RM120 sahaja dan tidak ada bayaran pampasan untuk tanaman, pokok buah-buahan, atau pemberian tanah. Di bawah ‘Konsep Baru’, perundingan secara langsung antara pihak pemilik tanah dengan pelabur tidak dibenarkan. Ini kononnya untuk mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap tanah dan keadaan ini seterusnya menafikan hak mereka sebagai pemilik tanah.

Kesukaran Dalam Mendapatkan Kesepakatan

Dalam konteks komuniti itu sendiri, kesukaran untuk mendapatkan kesepakatan juga merupakan cabaran dalam usaha untuk memperoleh pengiktirafan tanah. Ini kerana, komuniti mempunyai persepsi terhadap proses persempadanan tanah yang berbeza-beza. Secara keseluruhannya, persepsi tersebut boleh dibahagikan mengikut kelompok, iaitu kumpulan komuniti yang menyokong, kumpulan komuniti yang menentang dan kumpulan komuniti yang hanya ‘tunggu dan lihat’. Berikut merupakan pernyataan informan;

“...ada juga lah di kalangan kami sini ada yang mahu sukat ada yang tak mahu sukat juga. Kenapa? Baginya ada menyentuh sedikit soal politik macam itulah. Yang tak mahu tu kan dia kata macam kita semua sukat nantikan kerajaan ambil tanah macam itu...”

“...kampung ini ada yang setuju ada yang tak setuju. Nanti kalau ada yang sukat, katanya pemerintah akan ambil. Itulah masalahnya...”

Selain itu, terdapat beberapa informan yang ‘tunggu dan lihat’ tanah orang lain dahulu. Ini adalah disebabkan oleh apa yang berlaku semasa pengalaman lepas seperti perampasan dan pengambilan tanah. Sebahagian besar komuniti yang tidak menyokong persempadanan tanah bimbang tanahnya akan diambil oleh pemerintah kelak. Oleh itu, ‘tunggu dan lihat’ merupakan langkah selamat bagi sebahagian komuniti untuk melindungi tanahnya daripada diancam pengambilan tanah.

“...mahu tak mahu tengok orang dulu. Tengok orang dulu. Percaya ke tak percaya baru sukat.. Yalah, banyak hal berlaku ini macam susah. Tanah saya ada 1 saja. Kalau sukat sudah, mahu ambil, apa macam mahu saya cari makan...”

Konflik Dalaman masyarakat setempat

Analisis mendapati bahawa sistem pemilikan dan persempadanan oleh komuniti Bidayuh yang menggunakan maklumat informal dan tiada dokumen bukti telah mewujudkan *insecurity* dalam konteks pemilikan tanah. Konflik yang wujud menjadi halangan dalam usaha untuk melindungi dan mendapatkan pengiktirafan pemilikan tanah. Antaranya ialah pemimpin tempatan yang mudah ‘dibeli’ oleh syarikat-syarikat swasta, atau diugut dengan ancaman dilucutkan jawatan kerana tidak memberikan sokongan kepada projek-projek yang dirancangkan bagi komuniti mereka. Terdapat juga pemimpin yang tamak sehingga sanggup menipu penduduk kampung dengan menggunakan alasan ‘atas arahan kerajaan’ supaya menyerahkan tanahnya untuk tujuan pembangunan. Tetapi sebaliknya, tanah tersebut dijual oleh ketua kampung kepada syarikat-syarikat swasta. Kewujudan konflik yang membabitkan pemimpin kampung dibuktikan melalui rungutan beberapa informan di kawasan kajian antaranya;

“...memang ada ura-ura nak ambil tapi masih belum jelas lagi. Sebab ketua kampung ini memang tak sehaluan dengan rakyat. Ketua kampung sehaluan dengan kroni macam company sawit itu...”

“...kalau saya suruh awak cari satu pinggan tertentu di dalam rumah saya tanpa saya beritahu di mana, awak boleh jumpa tak?. Tak boleh kan. Macam tulah di kampung ini. Kalau orang dalam kampung tak bagi tahu pasal tanah, company-company tak tahu pasal tanah-tanah di kampung ini. Ini semua kerja ketua kampung...”

“...Itulah yang kami takut tanah diceroboh... syarikat-syarikat swasta yang macam company-company berunding (komplot) dengan orang kampung. Kalau di sini (masalah) ketua kampung. Kena ada orang dalam. Kalau tidak kerana orang kampung, mana orang tahu tanahnya. Kalau orang kampung ni yang gila kaya, gila duit. Pun dia beritahu tanah yang mana...”

Kenyataan ini turut dijelaskan oleh pemimpin Bidayuh:

“Ada juga ketua kampung yang disogok untuk menjual tanah di kampungnya. So, orang kampung jadi marah...”

Keadaan ini menjelaskan wujudnya *insecurity* dalam kalangan pemilik tanah apabila timbul perasaan curiga dan rasa tidak percaya terhadap pimpinan yang menyimpan maklumat mengenai info berkaitan tanah adat mereka dalam konteks informasi tidak bertulis dalam bentuk geran pemilik dan sebagainya. Keadaan ini akhirnya akan mengundang pertikaian dalam kalangan pemilik tanah.

Dalam konteks bantuan subsidi, ketidaaan dokumen hak milik tanah dalam kalangan komuniti menyebabkan terdapat beberapa individu yang mengambil kesempatan. Terdapat individu yang menggunakan kesempatan tersebut untuk mendapatkan bantuan, walhal tidak mempunyai tanah. Justeru itu, bantuan yang diterima dijual untuk mendapatkan keuntungan. Keadaan ini seterusnya meningkatkan persaingan dan menyukarkan komuniti yang betul-betul memerlukan bantuan subsidi untuk pertanian seperti bantuan baja, benih dan sebagainya.

“...Susah senang pun nak buat bangunkan tanah sendiri dengan bantuan MPOAB. Tapi sekarang susah nak dapat. Kena 2 3 4 tahun baru dapat. Sebab dulu banyak orang menipu MPOAB. You tiada tanah tapi you apply. Orang kasi sawit, you jual sawit duit you kasi angkat. Saya ada tanah tak takut cakap, orang yang tiada tanah je yang takut cakap...”

Selain itu, *insecurity* komuniti terhadap hak mereka terhadap tanah menjelaskan bahawa wujudnya pertikaian dalam kalangan ahli keluarga sendiri. Pertikaian berhubung tanah adat berlaku dalam kalangan adik-beradik dan dengan jiran sebelah sempadan tanah. Hasil kajian mendapati bahawa, pertikaian dalam keluarga ini mempunyai kaitan dengan tanah yang belum mempunyai geran pemilikan. Hal ini jelas melalui rungutan beberapa informan dari Kampung Diang:

“... dulu saya memang mohonlah tentang menyukat tanah ini. Inilah masalah yang menimpa tanah adat sehingga hari ini. Memang setiap kali berlaku, selalunya berebut pasal tanah. Tetapi yang berebut pasal tanah ini bukan dikalangan orang lain. Tapi keluarga kita sendiri kerana apa sebab tanah yang ada sekarang belum ada title (hak pemilikan). Ini yang masalah paling besar tu...”

Pertikaian dalam kalangan pemilik tanah yang bersepadanan (bersebelahan) pula berkait dengan kekeliruan pemilik tanah berhubung dengan sempadan yang telah sedia ada sebelum ini. Menurut beberapa informan, mereka menyatakan:

“... sebab itu batas yang pakai buluh tu kadang-kadang buluh masuk. Masuk sikit-sikit. Sebab buluh tu biasa kita tanam sini, nanti dia hidup tempat lain. Itulah yang ada gaduh sikitlah...”

“...tapi kadang-kadang mahu hidup sini hidup sana (cepat merebak). Cepat makan (memasuki) tanah orang. Nanti kita bingung mana sempadannya...”

Namun begitu menurut beberapa informan, pertikaian dalam keluarga mahupun jiran sebelah tanah mudah diselesaikan dengan mengadakan perbincangan dengan ketua kampung. Secara keseluruhannya, konflik-konflik yang berlaku telah mendorong pemilik-pemilik tanah adat untuk mempercepatkan lagi usaha untuk menyukat tanah dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan secara undang-undang formal. Keadaan ini seterusnya akan menjamin peningkatan tahap keselamatan kepada pemilikan tanah komuniti Bidayuh.

Persaingan Terhadap Tanah Adat

Pertambahan penduduk menyebabkan wujudnya persaingan terhadap tanah juga meningkat.. Menurut seorang informan :

“...apa yang bermasalah tanah sekarang, rakyat semakin bertambah. Kalau dulu tanah ini amat bernilai kerana manusia kurang. Akan tetapi sekarang kenapa jumlah tanah semakin kecil? Kerana manusia semakin ramai. Jadi, tanah ini kalau kita nampak sekarang, sudah menjadi emas. Itulah masalah dia sekarang. Sampai berebutkan tanah. Kalau dulu, orang tua-tua dulu masih banyak hutan. Siapa yang mahu tanah, kasi tebang. Tapi sekarang, tiada lagi. Inilah masalahnya...”

Selain daripada persaingan akibat pertambahan penduduk, sumber tanah tidak terkecuali daripada ancaman persaingan daripada pihak swasta seperti perladangan, pembalakan dan projek-projek pembangunan mega. Dengan ketiadaan pengiktirafan tanah secara formal, pemilikan terhadap tanah adat akan lebih terdedah kepada risiko pengambilalihan tanah serta pencerobohan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengeksplorasi keuntungan semata-mata.

PENUTUP

Dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pemilikan tanah adat NSR di kawasan kajian. Cabaran dalam konteks pemilikan ini, akan mendorong wujudnya konflik serta pertikaian antara pemilik tanah dan agensi yang terbabit. Mengenai isu hak milik dan pengiktirafan tanah, didapati tanah adat komuniti Bidayuh semakin terancam apabila wujud pihak ‘ketiga’. Analisis terhadap cabaran mempertahankan tanah adat mendapati bahawa pihak ketiga terdiri daripada pemimpin tempatan, syarikat-syarikat swasta dan individu dalam komuniti itu sendiri. Dalam hal ini pihak ketiga didapati telah mengancam keselamatan tanah adat dengan beberapa tindakan seperti pencerobohan tanah adat oleh syarikat pembalakan dan perladangan, bayaran pampasan yang tidak berpatutan, dan konflik pemimpin tempatan yang mudah ‘dibeli’ oleh pihak luar. Hal ini dilihat sebagai satu cabaran yang perlu ditangani dengan segera agar penduduk setempat mendapat hak jaminan keselamatan terhadap pemilikan tanah yang telah diwarisi sejak sekian lam. Sehubungan itu, cabaran yang paling getir yang perlu dihadapi oleh penduduk tanah adat adalah untuk mempertahankan kelangsungan pemilikan tanah sebagai sebahagian daripada identiti masyarakat Bidayuh. Dalam hal ini kelestarian sosial boleh dianggap sebagai cabaran utama yang perlu ditangani oleh pihak agensi pembangunan tanah dikawasan kajian. Ini kerana dalam konteks pemilikan, aspek budaya dan warisan tidak boleh dinafikan keperluan dan kepentingannya di peringkat pelaksana dasar.

RUJUKAN

- Azima A. M, Novel Lyndon, Sivapalan Selvadurai, Mohd Yusof Hussain, Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum, Suhana Saad, Mokhtar Jaafar dan Fuad Mat Jali. 2014. Cabaran transformasi Tanah NCR: satu keperluan terhadap metod Pemetaan Berpenglibatan. *Jurnal Geografi* Vol 10 (1) : 110-117
- Azima A.M, Novel Lyndon, Zaimah Ramli,Suhana Saad, Sarmila Md Sum, Yusoff Hussain, Abdul Hair Awang, Sivapalan Selvadurai, Fuad Mat Jali dan Mokhtar Jaafar. *Memahami makna persempadan dan pemilikan tanah NCR oleh komuniti Bidayuh di Sarawak*. Prosiding PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI MALAYSIA KE-9 17- 19 Sept 2014 Kuala Terengganu, Terengganu
- Borneo Resources Institute Malaysia (BRIMAS). 1999. Buku Kecil Tanah Adat Bumiputra dan Undang-Undang di Sarawak. Kuching: Sarawak
- Contula L. 2006. Key concept and trends in policy and legislation. *International Institute for Environment and Development*. Issue 139 pg 9-20
- Colchester, Tom Griffiths, Fergus Mackay & John Nelson. 2008. *Indigenous Land Tenure and Possibilities*. Forest Peoples Programme, Moreton-in-Marsh, United Kongdom.
- Fleischacker S.I. 1994. *The ethnics of culture*. Itaca: Cornell University Press.
- Kirby, J.P. 2005. The earth cult and ecology of peace building in Northern Ghana. In D, Miller, S.B. Kendie, A. A. And B. Haverkort (eds), *African knowledges and sciences:understanding and supporting the ways of knowing in sub-Saharan Africa*. The Netherland:Barneveld
- Paaga D. T. 2013. Customary land tenure and its implications for land disputes in Ghana: cases from Wa, Wechu and Lambussie. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol 3 No 18 pg 263-270
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). 2013. Laporan Inkuiiri Naional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli. Terbitan Suruhajaya Hak Asasi Manusia: Kuala Lumpur

Kanun Tanah Sarawak pindaan 1994

Verplanke, J.J. dan Mc Call M.K. 2014. *Boundary dispute settlement using mobile GIS*. The Australia Press:Australia